

## HUBUNGI KAMI


**Untuk menduduki penilaian ISAC, sila kemukakan permohonan kepada :**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
(u.p: Unit Audio Visual, Unit Latihan OA & Teknikal)

**Sebarang pertanyaan dan maklum balas, sila hubungi:**

Unit Audio Visual, Unit Latihan OA dan Teknikal  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.

E-mel : [bpm\\_ulpav@moh.gov.my](mailto:bpm_ulpav@moh.gov.my)  
Tel : 03-8883 3445 / 3627  
Faks : 03-8883 3380



CERTIFIED MS ISO 9001:2008  
Registration No. : AR 4361

**Unit Audio Visual, Unit Latihan OA dan Teknikal  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.**

**E-mel : [bpm\\_ulpav@moh.gov.my](mailto:bpm_ulpav@moh.gov.my)  
Tel : 03-8883 3445 / 3627  
Faks : 03-8883 3380**



## Pengenalan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan aktiviti-aktiviti Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) KKM mulai tahun 2006 hingga 2010.

Antara objektif ISP yang perlu dicapai ialah peningkatan literasi dan pembudayaan ICT di kalangan warga KKM dan KKM telah menformalkan penentuan celik IT menggunakan penilaian ISAC.

Dalam tempoh tersebut, KKM mensasarkan supaya tahap celik IT ialah 90% daripada jumlah warganya iaitu sekitar 140,000 orang. Pelaksanaan ISAC ini adalah dipantau oleh pihak pengurusan tertinggi di KKM.

ISAC adalah singkatan kepada IT Skills Assessment and Certification. Ia merupakan satu alat bagi menentukan kesediaan personel sektor awam untuk bekerja dalam persekitaran Kerajaan Elektronik.

Alat ini direka khas untuk menentukan keperluan persekitaran Malaysia, khususnya sektor awam. INTAN merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras penilaian ISAC.

## Objektif

Objektif pelaksanaan ISAC di KKM ialah :

- Untuk mencapai salah satu sasaran tahap tinggi Pelan Strategik ICT KKM (ISP KKM).
- Untuk menilai tahap kesediaan warga KKM untuk menjalankan tugas harian dalam persekitaran Kerajaan Elektronik.

## Kaedah Pelaksanaan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) memainkan peranan sebagai Urus Setia dalam mengendalikan pelaksanaan ISAC dengan kerjasama pihak INTAN. Sasaran penilaian ini ialah kepada seluruh warga KKM bagi Gred 17 hingga 44.

## Kurikulum ISAC

Kurikulum ISAC terbahagi kepada dua (2) iaitu :

### BAHAGIAN A : PENGETAHUAN

Ujian pengetahuan mempunyai 40 soalan objektif dan perlu dijawab dalam masa 20 minit.

Meliputi pengetahuan mengenai :

- Koridor Raya Multimedia (MSC)
- Kerajaan Elektronik
- Asas mengenai komputer dan perkembangan IT
- Desktop Productivity
- Internet dan e-mel

### BAHAGIAN B : KEMAHIRAN

Ujian kemahiran mengandungi 3 soalan subjektif dan calon-calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam masa 40 minit.

Menilai kemahiran dalam :

- Mencari dan memperolehi maklumat dengan menggunakan internet.
- Menyediakan dokumen pemprosesan (Ms Word 2007) atau dokumen persembahan (Ms PowerPoint 2007) berkaitan dengan pengendalian tugas-tugas asas.
- Berkomunikasi secara elektronik melalui e-mel.

## Format Penilaian

Untuk lulus, calon perlu :

- Mendapat 50% di Bahagian A : Pengetahuan
- Lulus ketiga-tiga soalan di Bahagian B : Kemahiran

Gagal di dalam salah satu bahagian akan menyebabkan keputusan calon gagal.

## Keputusan Penilaian

Keputusan bagi calon ISAC mulai April 2010 akan dipaparkan sehari selepas calon selesai menduduki penilaian di :  
<http://disac.intan.my/isac/login.php?mode=semak>

Keputusan calon ISAC sebelum April 2010 boleh disemak melalui SMS iaitu **JPA INTANISAC <No. KP>** dan hantar kepada **15888**.

## Pensijilan ISAC

Calon yang lulus akan diberi sijil pengiktirafan oleh INTAN dan BPM akan mengedarkannya kepada calon-calon yang berjaya. Calon boleh mencatatkan sijil ini di dalam Buku Perkhidmatan.

## Rujukan

Untuk keterangan lanjut, sila layari :  
[http://disac.intan.my/isac/main\\_page.php](http://disac.intan.my/isac/main_page.php)

Nota ISAC boleh dimuat turun di:

- [http://disac.intan.my/isac/main\\_page\\_mengenai\\_isac.php](http://disac.intan.my/isac/main_page_mengenai_isac.php)
- Epembelajaran Sektor Awam di <http://www.epsa.intan.my>
- [www.moh.gov.my/v/isac](http://www.moh.gov.my/v/isac)

## FAQ

### Bagaimanakah penilaian ISAC dijalankan?

Penilaian ISAC dijalankan menggunakan komputer sepenuhnya.

### Berapa lama masa penilaian ISAC?

Hanya 1 jam bagi setiap sesi iaitu 20 minit untuk Bahagian A : Pengetahuan dan 40 minit untuk Bahagian B : Kemahiran.

### Apa yang akan saya dapat jika saya menduduki ISAC dengan jayanya?

Satu sijil pengiktirafan daripada INTAN akan dianugerahkan kepada calon yang berjaya.

### Apakah implikasi sekiranya gagal dalam penilaian ISAC?

Anda boleh mengikuti Kursus Automasi Pejabat anjuran BPM atau JKN negeri. Anda juga wajib menduduki semula sesi ISAC sehingga lulus.

### Jika lulus, bagaimanakah saya boleh mendapatkan Sijil ISAC?

BPM akan mengedarkan sijil ISAC kepada calon-calon yang lulus. Calon boleh menyemak rekod sijil yang berada dalam simpanan BPM di laman ISAC KKM iaitu <http://www.moh.gov.my/v/isac>.

